



## Gagasan *Rahmatan li al-Alamin* dan Masa Depan Islam dalam Era Kerajaan Pakatan Harapan (PH): Satu Pengamatan Awal

Shukeri Mohamad<sup>1</sup>

Mohamad Azrien Mohamed Adnan<sup>2</sup>

Nor Hazrul Mohd. Salleh<sup>3</sup>

### Abstrak

*Kerajaan Pakatan Harapan (PH) telah membawa satu gagasan Islam yang dinamakan sebagai *Rahmatan Lil Alamin*, setelah mendapat kuasa pemerintahan dalam Pilihanraya Umum ke 14 yang lalu. Gagasan ini telah digambarkan melalui beberapa pendekatan Menteri Agamanya, seperti beramah mesra dengan golongan Lesbian, gay, bisexual, and transgender (LGBT), menghentikan operasi serbuan khalwat atau maksiat di hotel dan perimis-perimis, tiada agenda memperkasakan perundangan Islam melalui sistem mahkamah dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, gagasan tersebut telah dipertikaikan oleh pelbagai pihak seolah-olah ia masih satu idea yang belum mantap dan kukuh, malah dikritik sebagai satu agenda yang melemahkan kredibiliti Islam sebagai Agama Persekutuan. Oleh itu artikel ini akan meneliti maksud sebenar konsep rahmatan lil alamin dan setakat mana ia bercanggah dengan idea baru yang diperkenalkan oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH). Mudah-mudahan artikel ini dapat memberikan sumbangan kepada semua pihak terutamanya kerajaan PH, supaya kerajaan dapat meneliti dan memurnikan kelemahan seterusnya menghilangkan keraguan-keraguan yang timbul dalam masyarakat<sup>4</sup>.*

**Kata kunci:** *Rahmatan lil Alamin, masa depan Islam, Pakatan Harapan*

### PENDAHULUAN

Persoalan rahmat dan kebaikan adalah suatu perkara yang sangat jelas dalam peradaban Islam, seperti yang terkandung di dalam berbagai ungkapan rahmat, contohnya: ucapan salam, tahiyyat, wirid-wirid, doa-doa dan sebagainya. Al-Quran dan al-Sunnah telah menggariskan konsep rahmat dengan kemas dan teratur. Jika sesiapa mendokong ajaran Islam dengan baik, ia akan menikmati rahmat tersebut. Namun jika seseorang menolak ajaran Islam, ia tidak memperolehi rahmat-rahamat tersebut untuk dirinya. Dalam konteks

<sup>1</sup> Shukeri Mohamad (PhD), Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri

<sup>2</sup> Mohamad Azrien Mohamed Adnan (PhD), Guru Bahasa, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Nor Hazrul Mohd Salleh (PhD), Guru Bahasa, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

<sup>4</sup> Artikel ini dihantar kepada Jurnal al-Basirah sebelum kejatuhan Kerajaan Pakatan Harapan, tetapi ia diterbitkan selepas kerajaan PH jatuh, kerana melalui proses penerbitan jurnal yang telah ditetapkan. Kerajaan PH jatuh pada Mac 2020 kerana krisis dalaman yang melibatkan Tun Mahathir dan Anwar Ibrahim

keselamatan hidup, kerajaan Islam (siyasah syariyyah) mempunyai kerangka yang menjamin nilai-nilai rahmat untuk semua lapisan rakyatnya samada orang Islam atau bukan Islam. Bagi menjelaskan perkara tersebut, artikel ini akan membicarakan konsep rahmatan dalam Islam, beberapa peranan kerajaan Islam (siyasah syariyyah) dalam menjayakan misi rahmat kepada warganegara yang Islam dan bukan Islam, seterusnya meninjau pemakaian konsep rahmatan dalam kerajaan PH berdasarkan kerangka rahmatan yang telah diutarakan.

### **MAKSUD RAHMATAN MENURUT AL-QURAN**

Penelitian terhadap istilah rahmat yang disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah sangat penting supaya dapat memandu kefahaman yang betul dan tindakan-tindakan yang wajar. Oleh itu, dijelaskan secara ringkas maksud penggunaan istilah rahmat yang dibawa oleh al-Quran seperti berikut:

**Pertama:** Rahmat adalah sifat Allah Taala yang bermaksud pengasih, penyayang, pengampun dan sebagainya dalam firmanNya:

وَرَحْمَتِي وَسَعَتْ كُلَّ شَيْءٍ

Maksudnya: *dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu*

(Al-A'raf 7: 156)

وَرَبُّكَ الْغَنِيُّ دُوَّلَ الرَّحْمَةِ

Maksudnya: *Dan Tuhanmu Maha Kaya, lagi Melimpah-limpah rahmatNya.*

(Al-An'am 6: 133)

فَنَّىٰ عِبَادِي أَتَّىٰ أَنَا الْعَفُورُ الْرَّحِيمُ ﴿٤٩﴾

Maksudnya: *Khabarkanlah kepada hamba-hambaKu (wahai Muhammad), bahawa Akulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (bagi mereka yang bertaubat dan beramal soleh.*

(Al-Hijr 15: 49)

Allah Taala tegaskan bahawa dia bersifat dengan rahmat dalam firmannya:

﴿كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَىٰ نَفْسِهِ الْرَّحْمَةَ﴾

Maksudnya: *Tuhan kamu telah menetapkan bagi diriNya untuk memberi rahmat (yang melimpah-limpah).*

(Al-An'am 6: 54)

Sifat rahmat Allah Taala kepada hambanya mengatasi dan mendahului sifat marahnya seperti yang dijelaskan dalam hadith qudsi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَمَّا قَضَى اللَّهُ الْحَقُّ كَتَبَ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ عِنْدُهُ فَوْقَ الْعَرْشِ: إِنَّ رَحْمَتِي سَبَقَتْ غَصَّبِي".<sup>5</sup>

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: Tatkala Allah menciptakan para makhluk, Dia menulis dalam kitab-Nya, yang kitab itu terletak di sisi-Nya di atas 'Arsy, "Sesungguhnya rahmat-Ku lebih mengalahkan kemurkaan-Ku."*

Sebahagian besar perkataan rahmat di dalam al-Quran adalah menjelaskan sifat Allah Taala yang maha tinggi. Berpunca daripada sifat rahmat Allah inilah, Allah Taala menurunkan rahmatnya yang berbagai-bagai melalui ajaran Islam, kerasulan, al-Quran, kemenangan, kesejahteraan, keampunan, syurga pahala, rezeki dan sebagainya.

Dengan sifat rahmat yang maha tinggi itulah, Allah Taala tidak menyekat keperluan hidup kepada orang kafir, seperti air hujan, cahaya/tenaga matahari, harta/rezeki, udara/oksigen, makanan dan sebagainya.

**Kedua:** Rahmat adalah Kenabian seperti yang dinyatakan dalam firman Allah Taala:

وَاللَّهُ يَخْتَصُ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ

Maksudnya: *Dan Allah menentukan siapa yang dikehendaki-Nya (untuk diberi) rahmat-Nya (kenabian)*

(Al-Baqarah 2: 105)

قال علي بن أبي طالب رضي الله عنه: يختص برحمته: أي: بنبوته، خصّ بها محمدًا صلى الله عليه وسلم. وهذا على المشهور في تفسير (الرحمة) في هذه الآية. ومن هذا القبيل قوله تعالى: وأتاني رحمة من عنده (هود: ٢٨)، أي: نبوة ورسالة.

Maksudnya: Sayyidina Ali menjelaskan maksud “dia mengkhususkan kepadanya dengan rahmatnya” ialah dengan kenabiannya yang dikhususkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang masyhur tafsirannya dalam kalangan ahli tafsir tentang ayat ini, iaitu sama juga dengan maksud ayat 28 Surah Hud: “dan diberinya aku rahmat dari sisi-Nya” iaitu kenabian dan kerasulan.

Kerasulan dan kenabian Muhammad SAW adalah satu rahmat yang sangat besar kepada manusia yang dijelmakan melalui cara pergaulan dan layanan yang terbaik kepada seluruh lapisan manusia, termasuk orang kafir melalui akhlak yang terpuji. Namun dalam soal dasar dan prinsip Baginda sangat tegas terhadap orang kafir, terutamanya yang menentang dan melawan dakwah Baginda.

**Ketiga:** Rahmat adalah ajaran Islam itu sendiri

قُلْ إِنَّمَا يَنْهَا اللَّهُ وَبِرَحْمَتِهِ فَإِذَا لَكَ فَلْيَقْرَبُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

<sup>5</sup> Muhammad bin Ismail Bukhari, al-, *Sahih Al-Bukhari* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2007), Hadith No 6855; Muslim bin Hajjaj, *Sahih Muslim* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1995), Hadith No 2751.

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya) kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal.*

(Yunus 10: 58)

Kedatangan Islam merupakan rahmat yang sangat besar kerana telah menyelamatkan dunia dari kehancuran dan membangunkan manusia menjadi sebaik-baik ummat yang memimpin dan memakmurkan alam dengan kebaikan dan kesejahteraan, seperti yang digambarkan dalam firman Allah Taala dalam Surah Al-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَرَقُوا وَأَذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَاللَّهُ  
يَعْلَمُ قُلُوبَكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَاعَةٍ حُقْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا  
كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenangkan nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari Neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayatNya.*

(Ali-Imran 3: 103)

**Keempat:** Rahmat adalah al-Quran, seperti firman Allah:

قُلْ يَفْضُلِ اللَّهُ وَبِرَحْمَتِهِ فَيَذَلِّكَ فَلِيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya) kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal”.*

(Yunus 10: 58)

Al-Tabariy menyebut, dengan sebab kelebihan Allah (iaitu Islam) dan Rahmatnya (iaitu al-Quran), maka kamu layak bergembira kerana Islam dan al-Quran itu lebih baik daripada habuan dunia, harta dan perbendaharannya<sup>6</sup>.

Al-Quran menjadi rahmat yang sangat hebat kerana ia memberikan pertunjuk kebenaran yang hakiki dan mengubati segala penyakit manusia sehingga menjadikan manusia mampu menjalani kehidupan dengan sejahtera, seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 185:

<sup>6</sup> Al-Tabariy, *Jami` Al-Bayan* (Beirut: Dar al-Fikr, 1988), juz 7 h.124.

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ﴾

Maksudnya: Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil.

(Al-Baqarah 2: 185)

﴿وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا﴾

Maksudnya: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga.

(Al-Isra' 17: 82)

**Kelima:** Rahmat adalah segala bentuk kebaikan di dunia dan di akhirat untuk orang-orang yang beriman, seperti yang dinyatakan dalam al-Quran:

i. Kelapangan dan kesenangan

﴿ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ أَعْتَدَى بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

Maksudnya: Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barang siapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya siksa yang sangat pedih.

(Al-Baqarah 2: 178)

ii. Keselamatan

﴿وَمَا أَبْرِئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي عَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾

Maksudnya: Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Yusuf 12: 53)

iii. Rezeki<sup>7</sup>

﴿إِذَاً أَوْى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةٌ وَهَيَّئْنَا لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا﴾

Maksudnya: (Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah

<sup>7</sup> Lihat Al-Baidhawiy, *Tafsir Al-Baidhawi* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1988), juz 1 h. 583

kami rahmat dari sisiMu dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami.

(Al-Kahf 18: 10)

وَلَئِن سَأَلْتُهُم مَّنْ خَلَقَ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلْ أَفَرَءَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ  
إِنْ أَرَادَنِي اللَّهُ بِصُرُّ هَلْ هُنَّ كَاسِفُتُ صُرُّهُ أَوْ أَرَادَنِي بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكُتُ رَحْمَتِهِ  
قُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: Siapakah yang mencipta langit dan bumi? Sudah tentu mereka akan menjawab: Allah. Katakanlah (kepada mereka): Kalau demikian, bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah yang lain dari Allah itu? Jika Allah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahayaNya itu atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmatNya itu? Katakanlah lagi: Cukuplah bagiku: Allah (yang menolong dan memeliharaku); kepadaNyalah hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah diri.*

(Al-Zumar 39: 38)

قُلْ لَوْ أَنْتُمْ تَمْلِكُونَ حَزَابِنَ رَحْمَةٍ رَّبِّي إِذَا لَأَمْسَكْتُمْ حَشْيَةَ الْإِنْفَاقِ وَكَانَ الْإِنْسَنُ قَتُورًا ﴿٦٣﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Jika kamu memiliki perbendaharaan rahmat Tuhanmu pada ketika itu tentulah kamu akan berlaku bakhil kedekut kerana takut kehabisan; dan sememangnya manusia itu bertabiat bakhil kedekut.*

(Al-Isra' 17: 100)

مَا يَفْتَحُ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكُ لَهَا وَمَا يُمْسِكُ فَلَا مُرْسَلٌ لَهُ وَمِنْ بَعْدِهِ وَهُوَ  
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٤﴾

Maksudnya: *Apa jua jenis rahmat yang dibukakan oleh Allah kepada manusia, maka tidak ada sesuatupun yang dapat menahannya dan apa jua yang ditahan oleh Allah maka tidak ada sesuatupun yang dapat melepaskannya sesudah itu dan (ingatlah) Dialah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

(Fatir 35: 2)

فَوَجَدَا عَبْدًا مِنْ عِبَادِنَا إِذَا تَبَيَّنَهُ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمَنَاهُ مِنْ لَدُنَّا عِلْمًا ﴿٦٥﴾

Maksudnya: *Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami.*

(Al-Kahf 18: 65)

iv. Kemenangan ke atas musuh

قُلْ مَنْ ذَا الَّذِي يَعْصِمُكُمْ مِنَ اللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ سُوءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةً وَلَا يَجِدُونَ  
لَهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧﴾

Maksudnya: Katakanlah: Siapakah yang dapat melindungi kamu dari kemurkaan Allah jika Ia mahu menimpakan bala bencana kepada kamu atau (siapakah yang dapat menahan kemurahan Allah) jika Dia hendak memberikan rahmat kepada kamu? Dan (ingatkanlah) mereka (yang munafik) itu: Bahawa mereka tidak akan beroleh sesiapapun yang lain dari Allah yang akan menjadi pelindung atau penolong mereka.

(Al-Ahzab 33: 17)

v. Kesenangan, terselamat daripada kesusahan<sup>8</sup>

وَلَئِنْ سَأَلْتُهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلْ أَفَرَءَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ  
إِنْ أَرَادَنِي اللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَشِيفُ صُرُوفٍ أَوْ أَرَادَنِي بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكُ رَحْمَتِهِ فُلْ  
حَسْبِيُّ اللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: Siapakah yang mencipta langit dan bumi? Sudah tentu mereka akan menjawab: Allah. Katakanlah (kepada mereka): Kalau demikian, bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah yang lain dari Allah itu? Jika Allah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahayaNya itu atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmatNya itu? Katakanlah lagi: Cukuplah bagiku: Allah (yang menolong dan memeliharaku); kepadaNyalah hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah diri.

(Al-Zumar 39: 38)

vi. Air hujan dari langit

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيِ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلِيلٍ مَّيِّتٍ  
فَأَنْزَلَتَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الشَّمَرِتِ كَذَلِكَ تُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٩﴾

Maksudnya: Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan ia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami

<sup>8</sup> Lihat Al-Tabariy, *Jami` Al-Bayan* (Beirut: Dar al-Fikr, 1988), juz 24 h. 7

*mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).*

(Al-A'raf 7: 57)

فَانظُرْ إِلَىٰ ءَاثَرِ رَحْمَتِ اللَّهِ كَيْفَ يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ ذَلِكَ لَمُحْيٰ الْمَوْتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ  
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: *Maka lihatlah olehmu kepada kesan-kesan rahmat Allah, bagaimana Dia menghidupkan bumi sesudah matinya (dengan tanaman-tanaman yang menghijau subur). Sesungguhnya Allah yang demikian kekuasaanNya, sudah tentu berkuasa menghidupkan orang-orang yang telah mati dan (ingatlah) Dia maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

(Al-Rum 30: 50)

vii. Kasih sayang yang mengikat hati-hati mereka/kelembutan<sup>9</sup>

ثُمَّ قَقَّبَنَا عَلَىٰ ءَاثَرِهِم بِرُسُلِنَا وَقَقَّبَنَا بِعِيسَى اُبْنِ مَرِيمَ وَءَاتَيْنَاهُ إِلَّا نِحْيلَ وَجَعَلْنَا فِي قُلُوبِ  
الَّذِينَ أَتَبْعَوْهُ رَأْفَةً وَرَحْمَةً وَرَهْبَانِيَّةً أَبْتَدَعُوهَا مَا كَتَبْنَاهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا أَبْتَغَاهُ رِضْوَانُ اللَّهِ فَمَا  
رَعَوْهَا حَقَّ رِعَايَتِهَا فَءَاتَيْنَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْهُمْ أَجْرَهُمْ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَسِقُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *Kemudian Kami irangi sesudah mereka: Rasul-rasul Kami silih berganti dan Kami irangi lagi dengan Nabi Isa Ibni Mariam, serta Kami berikan kepadanya: Kitab Injil dan Kami jadikan dalam hati orang-orang yang mengikutnya perasaan belas kasihan (sesama sendiri) dan (perbuatan mereka beribadat secara) "Rahbaniyyah" merekalah sahaja yang mengadakan dan merekanya; Kami tidak mewajibkannya atas mereka; (mereka berbuat demikian) kerana mencari keredaan Allah; dalam pada itu mereka tidak menjaga dan memeliharanya menurut yang sewajibnya. Oleh itu, orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad) di antara mereka, kami berikan pahalanya dan (sebaliknya) banyak di antara mereka yang fasik (derhaka).*

(Al-Hadid 57: 27)

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ وَأَشَدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحْمَاءُ بَيْنَهُمْ

Maksudnya: *Bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam).*

(Al-Fath 48: 29)

<sup>9</sup> Lihat Ibid., juz 8 h. 210

viii. Pemberian

وَمَا كُنْتَ بِجَانِبِ الْلُّورِ إِذْ نَادَيْنَا وَلَكِنْ رَحْمَةً مِنْ رَبِّكَ لِشَذِرَ قَوْمًا مَا أَتَيْتُهُمْ مِنْ نَذِيرٍ مِنْ  
قَبْلِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: *Dan engkau juga tidak berada dekat Gunung Tursina ketika Kami menyeru (Nabi Musa dan memberi wahyu kepadanya dahulu), tetapi (diturunkan) rahmat (Al-Quran) dari Tuhanmu (menerangkan Kisah itu) supaya engkau memberi amaran kepada kaum (mu) yang telah lama tidak didatangi sebarang Rasul pemberi amaran sebelumnya, semoga mereka beroleh pengajaran (serta insaf mematuhinya).*

(Al-Qasas 28: 46)

ix. Syurga<sup>10</sup>

وَأَمَّا الَّذِينَ أَبْيَضُوا وُجُوهُهُمْ فَفِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا حَلِيلُونَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya: *Adapun orang-orang yang telah putih berseri mukanya, maka mereka berada dalam limpah rahmat Allah (Syurga), mereka kekal di dalamnya.*

(Ali-Imran 3: 107)

إِنَّ الَّذِينَ ظَاهَرُوا مِنَ الظَّاهِرَاتِ هُمُ الظَّاهِرُونَ وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَةَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٨﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itu mengharapkan rahmat Allah, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

(Al-Baqarah 2: 218)

x. Keampunan<sup>11</sup>

وَإِذَا جَاءَكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِنَا فَقُلْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةُ أَنَّهُ وَمَنْ عَمِلَ مِنْكُمْ سُوءًا بِجَهَلَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَصْلَحَ فَأَنَّهُ وَغُفْرُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: *Dan apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami itu datang kepadamu (dengan tujuan hendak bertaubat dari dosa-dosa mereka), maka katakanlah: Mudah-mudahan kamu beroleh selamat! Tuhan kamu telah menetapkan bagi dirinya untuk memberi rahmat (yang melimpah-limpah): Bahwasanya sesiapa di antara kamu yang melakukan kejahatan dengan sebab kejihilannya, kemudian dia bertaubat sesudah itu dan berusaha memperbaiki (amalannya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.*

(Al-An'am 6: 54)

<sup>10</sup> Ibid., juz 4 h.41

<sup>11</sup> Lihat Ibid., juz 7 h.208

فَقُلْ يَعْبَادِي الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَنْقَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَعْفُرُ الْذُنُوبَ  
جَمِيعًا إِنَّهُ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hambaku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah juga Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.*  
(Al-Zumar 39: 53)

#### xi. Taufiq, keimanan dan hikmah<sup>12</sup>

قَالَ يَقُولُ أَرَأَيْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِنْ رَبِّي وَإِنَّنِي رَحْمَةٌ مِنْ عِنْدِهِ فَعُيِّبَتْ عَلَيْكُمْ  
أَنْلَزْتُ مُكْمُوْهَا وَأَنْتُمْ لَهَا كَثِيرُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: *Nabi Nuh berkata: Wahai kaumku! Jika keadaanku berdasarkan bukti yang nyata dari Tuhanmu, serta Dia mengurniakan pangkat Nabi kepadaku dari sisiNya, kemudian bukti yang nyata itu menjadi kabur pada pandangan kamu (disebabkan keingkaran kamu yang telah sebat), maka adakah kamu nampak ada gunanya Kami memaksa kamu menerima bukti itu sedang kamu tidak suka kepadanya?.*

(Hud 11: 28)

Orang-orang Islam akan mendapat berbagai-bagai bentuk rahmat di atas apabila mereka mengambil jalan-jalan yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah, seperti jalan aqidah, jalan ibadat, jalan akhlak, dan semua jalan syariah Islam yang lain.

**Keenam:** Rahmat adalah kebaikan-kebaikan untuk orang yang tidak beriman dan seluruh makhluk lain, dengan mendapat perlindungan yang dijamin oleh Kerajaan Islam. Allah Taala menyatakan perkara tersebut dalam firmannya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: *Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*

(Al-Anbiya' 21: 107)

Dalam ayat al-Quran yang lain, Allah Taala menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w diutuskan kepada seluruh makhluk manusia dan jin.

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا  
هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَمَنِ امْنَأْنَا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ الَّذِي أَلْمَى الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلَمَتِهِ وَأَتَيْهُ  
لَعَلَّكُمْ تَهَتَّدُونَ ﴿١٤٨﴾

<sup>12</sup> Lihat Ibid., juz 7 h.208

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya) dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayat petunjuk.*

(Al-A'raf 7: 158)

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).*

(Saba' 34: 28)

Malah Rasulullah SAW diutuskan kepada seluruh makhluk dengan membawa pelbagai kebaikan seperti ihsan kepada binatang dengan memberikannya makan minum dan tidak menzaliminya.

Bagi manusia dan jin, mereka akan mendapat sepenuh kerahmatan itu apabila mereka menerima dan mengikuti ajaran yang dibawa oleh Baginda s.a.w, lalu disediakan syurga di akhirat kelak. Perkara ini jelas dari peringatan Allah bahawa Rasulullah SAW itu membawa dua pesanan iaitu: pesanan yang menggembirakan bagi yang patuh dan taat kepada ajaran Baginda dan pesanan yang menggerunkan dan menakutkan bagi yang ingkar dan melanggar ajaran Baginda

Bagi yang tidak beriman dengan risalah Islam, mereka masih mendapat jaminan kemanusiaan dan kemasyarakatan seperti kebaikan, perlindungan dan hak yang sesuai dengan mereka melalui persetujuan/perjanjian mereka untuk tidak bermusuh dengan Islam (الْأَمْنُ بِالْعَهْدِ وَالْمَوْاثِيقِ) seperti hak tempat tinggal, mencari harta, hak keselamatan nyawa dan harta, hak mengamalkan ajaran agama mereka dan sebagainya seperti yang dibincangkan dalam kitab-kitab fiqh Islam.

### GAMBARAN RAHMATAN MENURUT AL-SUNNAH

Secara asasnya maksud rahmat yang terdapat dalam hadith-hadith tidak jauh bezanya dengan maksud rahmat di dalam al-Quran, kerana ia mendokong konsep rahmat yang dibawa oleh al-Quran, sebagaimana yang dinyatakan dibawah ini:

## Rahmat Sesama Makhluk Mengundang Rahmat dari Allah

عن عبد الله بن عمرو -رضي الله عنهم- قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "الراحمن يرحمهم الرحمن، ارحموا من في الأرض، يرحمكم من في السماء".<sup>13</sup>

Maksudnya: *Dari pada Abdullah Ibn Umar, katanya, Rasulullah s.a.w bersabda: Golongan yang merahmati orang lain akan sentiasa mendapat rahmat Allah. Oleh itu hendaklah kamu sentiasa merahmati orang/makhluk yang di bumi, nescaya akan dirahmati oleh sesuatu/makhluk di langit*".

### Perintah Supaya Rahmat kepada Anak Yatim

عن أبي الدرداء رضي الله عنه قال: أتى النبي صلى الله عليه وسلم رجل يشتكي قساوة قلبه، فقال له رسول الله صلى الله عليه وسلم: "أتحب أن يلين قلبك؟" فقال: نعم، قال: "ارحم اليتيم، وامسح رأسه، وأطعمه من طعامك، فإن ذلك يلين قلبك، وقدر على حاجتك".

Maksudnya: *Dari pada Abi al-Darda (RA), beliau berkata: Seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w dan mengadu hatinya keras, lalu Rasulullah s.a.w bertanya: Adakah kamu inginkan hati yang lembut? Jawab orang itu, ya saya mahu. Rasulullah s.a.w pun memberitahunya: Rahmatilah anak yatim (buat baik kepada anak yatim), usaplah kepalanya, berilah ia makanan, kerana yang demikian itu akan melembutkan hatimu dan akan tertunai keinginanmu.*

### Perintah Supaya Rahmat kepada Haiwan

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "يبنما رجل يمشي بطريق، اشتد عليه العطش، فوجد بئرا، فنزل فيها فشرب، ثم خرج، فإذا كلب يلهث، يأكل الشري من العطش، فقال الرجل: لقد بلغ هذا الكلب من العطش مثل الذي كان بلغ مني، فنزل البئر، فملأ خفه ماء، ثم أمسكه بفمه حتى رقي، فسقى الكلب، فشكر الله له، فغر له"، قالوا: يا رسول الله، وإن لنا في البهائم لأجر؟، فقال: "في كل كبد رطبة أجر".<sup>14</sup>

Maksudnya: *Dari pada Abi Hurairah (RA) katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Semasa seorang lelaki melalui satu jalan/lorong, ia merasa sangat dahaga. Setelah mendapat telaga, beliau turun mendapatkan air lalu minum. Ketika beliau keluar daripada telaga, tiba-tiba mucul seekor anjing yang sedang kehausan., lalu lelaki itu berkata anjing ini sangat dahaga sebagaimana dia dahaga sebelum itu. Dia pun turun semula ke dalam telaga*

<sup>13</sup> al- Tirmidhi, *Sunan Al-Tirmidhi, Tahqiq Mahmud Muhammad Hassan Nassar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2011). (Tajuk: al-Birr wa al-Silah) Hadith ke 1924.

<sup>14</sup> Muhammad bin Ismail Bukhari, al-, *Sahih Al-Bukhari* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2007), (Kitab al-Syurb wa al-Musaqah, bab Fadhl Saqyi al- Ma') Hadith ke 2234

dan mengisi air dalam kasutnya dan memberikannya kepada anjing tersebut. Dengan perbuatan itu, maka Allah memujinya dan mengampuninya. Mereka bertanya Rasulullah s.a.w: Adakah beri makanan kepada binatang pun dapat pahala. Jawab Rasulullah s.a.w pada setiap yang membasahkan limpah ada pahala.

[Bukhari: 2234]

### Rahmat Allah Hilang daripada Orang Yang Keras Hati dan Bersikap Kasar

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "لَا تَنْزَعُ الرَّحْمَةَ إِلَّا مِنْ شَقِّيٍّ".<sup>15</sup>

Maksudnya: *Tidak diangkat rahmat kecuali daripada orang yang celaka.*

Hadith ini menjelaskan bahawa rahmat akan dihilangkan daripada orang yang keras hati, kasar, tidak merasa kasih sayang kepada orang lain.

Secara keseluruhannya, maksud rahmat di dalam hadith adalah merujuk kepada kebaikan-kebaikan yang diperolehi oleh manusia apabila mereka melakukan kebaikan sesama manusia atau terhadap makhluk yang lain. Jika manusia mengabaikan kebaikan kepada pihak lain, maka nikmat kebaikan akan ditarik balik oleh Allah.

### BENTUK APLIKASI RAHMATAN LIL ALAMIN DALAM SIYASAH SYARIYYAH (PENTADBIRAN NEGARA)

#### Jaminan Kedaulatan untuk Agama Islam dan Keadilan kepada Umat Islam Adalah Satu Rahmat

Negara Islam adalah rumah tempat berteduh bagi umat Islam dengan segala jaminan kebaikan dan perlindungan, kerana tujuan ditegakkan Negara Islam adalah untuk menjaga seluruh kepentingan Agama Islam dan pengikutnya tanpa mengira bangsa keturunan, warna kulit dan bahasa. Sebab itu, Negara Islam mesti dipimpin oleh orang yang terbaik di kalangan umat Islam sendiri, menggunakan undang-undang Islam dan semua makenisme yang patuh syariah. Sistem penguatkuasaan undang-undang Islam dalam Negara Islam adalah bertujuan untuk melindungi keselamatan awam sehingga mereka dapat menjalani kehidupan dengan aman dan sejahtera, samada keselamatan aqidah Islam, nyawa, maruah dan keturunan, akal dan harta, yang dikenali sebagai undang-undang qisas, hudud dan takzir.

Di antara ayat al-Quran yang menggariskan prinsip kenegaraan ialah firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعْلَمُ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴾<sup>16</sup>

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya)

<sup>15</sup> Tirmidhi, *Sunan Al-Tirmidhi*, Tahqiq Mahmud Muhammad Hassan Nassar., Hadith ke 1923.

*itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

(Al-Nisa' 4: 58)

Ibn Taymiyyah menamakan ayat ini sebagai *ayat al-umara'*. Ayat inilah yang dijadikan oleh beliau sebagai tema dan kerangka asas kepada buku Siasah Syar'iyyah beliau yang terkenal. Menurut Ibn Taymiyyah, ayat ini menggariskan dua peranan utama pemimpin dan kerajaan bagi menjamin keadilan dan kerahmatan untuk semua orang, iaitu:<sup>16</sup>

- |         |                         |
|---------|-------------------------|
| Pertama | : Menunaikan amanah     |
| Kedua   | : Melaksanakan keadilan |

### **Keadilan Islam untuk Warga Bukan Islam Adalah Satu Rahmat**

Di antara jaminan keadilan yang diperakukan kepada warga negara yang bukan Islam ialah:<sup>17</sup>

- a. Kerajaan Islam wajib menjaga keselamatan mereka.
- b. Mereka berhak mendapat hak dan layanan yang sama dengan orang Islam kecuali dalam urusan yang berkait secara langsung dengan kesucian Islam atau kepentingan umat Islam secara khusus.
- c. Jaminan menjalankan ibadat keagamaan mereka.
- d. Tidak dipaksa memeluk agama Islam<sup>18</sup>
- e. Tidak menzalimi mereka. Rasulullah s.a.w mengingatkan bahawa barang siapa yang melakukan kejahatan kepada warganegara bukan Islam dengan menzaliminya atau menyuruh melakukan kerja di luar kemampuannya, atau merampas hak atau harta mereka secara jahat, maka orang itu akan berdepan dengan Nabi s.a.w di akhirat dan tidak terlepas daripada hukuman yang berat. Nabi s.a.w menyebut bahawa barang siapa yang menyiksa orang ramai di dunia, maka mereka pasti akan diazab dan diseksa di akhirat nanti.

### **Penguatkuasaan Undang-Undang Islam dalam Memerangi Jenayah dan Mencegah Kemungkaran Adalah Satu Rahmat**

Undang-undang Islam mempunyai segala kekuatan sendiri dari segi falsafah dan pelaksanaannya, di mana ia dapat menjayakan misi keselamatan dan keamanan dalam semua aspek, dengan memerangi aktiviti jenayah dan mungkar. Gejala jenayah dan mungkar sebenarnya merupakan kekotoran yang mencemarkan wajah sebuah masyarakat, seterusnya memusnahkan nilai keamanan. Oleh itu Islam sangat tegas menghadapi dan memerangi jenayah dan kemungkaran yang menjadi faktor keruntuhan negara.

<sup>16</sup> Ibn Taymiyyah, *Al-Siyasah Al-Syar'iyyah Fi Islah Al-Ra'I Wa Al-Ra'iyyah* (Beirut: Dar Afaq al-Jadid, 1988), h 4-5

<sup>17</sup> Syed Qutb, *Al-Adalah Al-Ijtima'iyyah Fi Al-Islam* (Beirut: Dar al-Katib al-Arabi, t.t), h. 208

<sup>18</sup> Sebab itu Islam menganjurkan dakwah, kempen dan sebagainya bagi mendedahkan ilmu dan pengetahuan, supaya orang bukan Islam dapat menilai dengan terbuka. Namun bagi orang Islam mereka tiada pilihan dalam bab aqidah. Mereka tidak boleh berfikiran bebas, atheis, sekular, dan menganut ideologi yang bercanggah dengan Islam

Oleh itu, ketegasan Islam dalam aspek undang-undang dan hukuman adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan awam yang merupakan satu rahmat besar kepada seluruh lapisan masyarakat, seperti mana yang dinyatakan di bawah ini:

***Kuatkuasa undang-undang Islam itu adalah benteng dan pelindung kepada masyarakat yang mulia.***<sup>19</sup>

Hukuman yang telah diputuskan secara tetap oleh syarak seperti hudud dan qisas mempunyai rahsia tersendiri dalam menjamin keutuhan dan kestabilan masyarakat. Ia dapat dilihat apabila unsur hukuman yang digariskan itu dapat melahirkan prinsip keadilan bersama, kesamarataan, kesesuaian dengan jenayah yang dilakukan dan menghilangkan ruang pertembungan kepentingan antara berbagai pihak yang mahu mengambil kesempatan peribadi. Dengan itu hukuman tersebut dapat berperanan sebaik mungkin membentras gejala jenayah yang meruntuhkan kemuliaaan dan keutuhan sesuatu masyarakat, bangsa dan negara. Sebab itu, Islam menyediakan satu bentuk peraturan yang rapi dan kemas untuk melindungi masyarakat dari wabak yang merbahaya itu. Ini adalah satu langkah perlindungan yang agak keras memandangkan wabak penyakit yang menyerang keutuhan masyarakat menggunakan unsur-unsur kekerasan. Ketegasan hukuman dalam beberapa kes jenayah adalah satu rahsia yang mendalam dalam rangka mengelakkan ancaman terhadap keselamatan awam (iaitu aspek yang terlalu sensitif dan kritikal)

***Kuatkuasa Undang-undang secara zahirnya adalah satu keperitan individu, tetapi ia adalah jalan kebaikan dan rahmat untuk seluruh masyarakat***

Memang semua pihak mengakui bahawa penguatkuasaan undang Islam adalah satu bentuk penderaan dan kesakitan keatas pesalah/penjenayah, tetapi tujuan mengenakan kesakitan adalah sebagai satu hukuman yang dapat menimbulkan keinsafan dan kesedaran atau merangsang rasa gerun lebih awal kepada sesiapa jua, sehingga tidak berani melakukan jenayah.<sup>20</sup> Tidak ada pilihan lain yang lebih wajar dari segi hukuman keras kerana seorang yang membunuh misalnya telah mengenakan unsur kesakitan kepada mangsa dan ahli keluarga mangsa. Malah seluruh masyarakat akan menghadapi kesakitan dan penderitaan kerana tekanan jenayah yang berleluasa. Maka Islam memilih bentuk hukuman sebegitu untuk membendung daripada merebak luasnya kegiatan jenayah yang tidak mengenal mangsa, tempat dan masa. Ini adalah pilihan yang tepat berdasarkan kaedah : “Ada setengah langkah kearah kebaikan adalah berbentuk mafasid, lalu ia diharuskan bukan kerana sifatnya tidak baik “mafsadah”, tetapi atas sifatnya dapat menghasilkan maslahah yang lebih utama.”

Para Doktor mengambil langkah melakukan pembedahan walaupun ia adalah satu kesakitan dan kesulitan, tetapi ia adalah satu rawatan kepada penyakit untuk memulihkan semula kesihatan. Makan ubat adalah sesuatu yang menyukarkan kerana rasanya yang tidak menyenangkan, tetapi hasilnya adalah dapat memulihkan kesihatan dan membolehkan seseorang terus menjalankan urusan hidup harian dengan sempurna samada beribadat atau sebagainya.

Penguatkuasaan undang-undang Islam memberikan natijah rahmat dan keadilan yang mendalam, kerana tidak ada sesiapa pun yang mengatasi undang-undang dalam pemerintahan Islam. Dengan itu tidak timbul rasa dengki atau benci, dendam, marah, tidak

<sup>19</sup> Syaikh Muhammad Abu Zuhrah, *Al-Jarimah Wa Al-'Uqubah Fi Al-Fiqh Al-Islamiy* (Dar al-Fikr al-Arabiyy, t.t), h. 74

<sup>20</sup> Abdul Salam Muhammad Al-Syarif, *Al-Mabadi' Al-Syar'iyyah Fi Ahkam Al-Uqubat Fi Al-Fiqh Al-Islamiy* (Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy, 1986), h. 67

puashati di kalangan anggota masyarakat kerana undang-undang Islam dapat menjamin kepuasan kepada semua pihak. Allah Taala menyatakan bahawa tidaklah kami mengutuskan engkau wahai Muhammad kecuali sebagai rahmat bagi seluruh alam.

Berbeza sama sekali dengan undang-undang manusia yang diamalkan dalam negara moden sekarang yang menjadi kuda tunggangan kepada golongan yang berkuasa untuk menekan pihak lain yang tidak disukai atau mengaut keuntungan peribadi, sehingga nilai keadilan menjadi musnah begitu saja.

### **Penguatkuasaan Undang-undang Islam adalah menjaga maslahah insan<sup>21</sup>**

Penguatkuasaan Undang-undang Islam akan dapat merealisasikan jaminan kepentingan manusia seperti berikut:

#### ***Menjaga maslahah Agama dan keselamatan aqidah***

Islam telah membuat penegasan yang jelas bahawa sesuatu yang membawa keburukan kepada Agama adalah ditolak sama sekali. Agama Islam wajib dibangunkan dan dilindungi. Sebab itu perlaksanaan undang-undang Islam adalah wajib kerana ia dapat menjaga kepentingan Agama Islam dari segenap segi, terutamanya aspek aqidah. Itulah adalah satu kerahmatan.

Manakala konsep kebebasan beragama pula diuruskan secara teratur supaya orang bukan Islam tidak dipaksa memeluk Islam. Namun dalam kontek menjaga kedaulatan Islam samada dalam diri atau masyarakat dan negara, Islam telah membuat penegasan yang jelas bahawa sesuatu yang membawa keburukan kepada Agama adalah bercanggah dengan konsep rahmat.

#### ***Menjaga maslahah nyawa dan keselamatan diri***

Menjaga keselamatan diri adalah merangkumi aspek keselamatan nyawa, fizikal dan juga hak-hak/kebebasan berfikir, belajar, menginap, bekerja dan sebagainya. Atas kepentingan itulah Islam mewajibkan perlaksanaan undang-undang yang kemas bagi menjaga kepentingan nyawa dan diri manusia supaya tidak dipersia-siakan atau diperlakukan dengan tindakan yang jahat oleh mana-mana pihak. Itu adalah satu kerahmatan.

#### ***Menjaga maslahah akal fikiran***

Akal dapat menyediakan suatu tenaga dan kemampuan berfikir, menganalisa, membuat kesimpulan dan keputusan tertentu. Berlandaskan ajaran Islam yang sebenar, akal dapat membawa manusia memahami keperluan diri, masyarakat dan kehidupan seluruhnya sehingga dapat melahirkan sifat unggul dan terpuji. Bertolak dari kepentingan itu, Islam mewajibkan penguatkuasaan undang-undang Islam bagi menjaga kesempurnaan akal, melindunginya dari unsur yang merosakkannya seperti ajaran sesat yang klasik atau moden atau daripada bahan yang memabukan sehingga merosakkan potensi otak seperti arak dan dadah. Ini adalah satu komitmen Islam yang tidak ada dalam ajaran lain di dunia ini. Itu adalah satu kerahmatan.

---

<sup>21</sup> Abu Zuhrah, *Al-Jarimah Wa Al-'Uqubah Fi Al-Fiqh Al-Islamiy*, h. 28-30

### ***Menjaga Maslahah Keturunan***

Tidak ada sesiapa pun yang mahukan zuriat yang lemah, cacat, jahat, bengang dan sebagainya. Islam mempunyai resepi yang terbaik untuk mencapai warisan zuriat yang baik-baik. Malah Islam menyediakan kaedah perlindungan yang paling berkesan untuk menghindarkan gejala buruk yang merosakkan misi ummah itu. Apabila Islam menetapkan peraturan perkahwinan, maka kelahiran generasi yang diharapkan itu akan menjadi kenyataan. Namun begitu berbagai penyakit dan halangan akan mengganggu usaha murni itu. Untuk mengatasi cabaran yang mendatang yang boleh menggagalkan matlamat tersebut, maka Islam mewajibkan penguatkuasaan undang-undang yang dapat melindungi keutuhan zuriat dan keturunan, termasuk maruah dan kesucian diri. Itu adalah satu kerahmatan.

### ***Menjaga maslahah harta***

Tidak ada satu pun aspek kehidupan yang terkecuali daripada keperluan harta. Ini adalah kebijaksanaan Allah Taala dalam menciptakan manusia yang begitu unik sehingga unsur keperluan itu dapat mewujudkan jaringan interaksi dan muamalah secara berkesan dan harmoni antara satu dengan yang lain. Sebab itu Islam menetapkan harta sebagai salah satu asas keperluan dalam hidup manusia.

Kepentingan harta ini telah diatur dengan rapi supaya proses pencarian dan penggunaannya dapat memenuhi matlamat kehartaan sebenar. Namun begitu proses tersebut mempunyai cabaran dan gangguan sehingga boleh merosakkan fungsi harta dan memberi kesan buruk kepada kehidupan manusia. Oleh itu Islam mewajibkan penguatkuasaan undang-undang yang dapat melindungi kepentingan harta dan penggunanya dari gangguan tersebut. Inilah satu kerahmatan.

Bagi menjamin kejayaan penguatkuasaan undang-undang itu, Islam menyediakan format yang rapi dan terbaik seperti berikut:<sup>22</sup>

#### **Pertama:** Pendidikan jiwa masyarakat

Proses tarbiah ini amat penting dalam mencegah jenayah, terutamanya melalui akitivi ibadat Islam dengan penghayatan yang mendalam. Ibadat dalam Islam membangunkan segala unsur kebaikan dan potensi keimanan yang tinggi dalam diri individu seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Sebagai contoh, Allah Taala menyatakan bahawa sesungguhnya solat itu dapat mencegah daripada perkara jahat dan mungkar.

#### **Kedua:** Membentuk sikap awam yang terpuji dan menolak kejahatan, kezaliman, kemungkaran dan jenayah.

Antara perkara yang perlu disuburkan ialah sifat malu untuk melakukan maksiat seperti pendedahan aurat. Sifat terpuji ini amat penting dalam membentuk sikap awam supaya mereka menolak kegiatan memakai pakaian yang menjolok mata atau yang mendatangkan kesan buruk dan perzinaan. Dengan itu kedudukan wanita lebih terjamin, keselamatan kanak-kanak terkawal dan begitulah selanjutnya.

---

<sup>22</sup> Ibid., h. 25-28

**Ketiga:** Mendidik masyarakat tentang kebaikan undang-undang Islam dan kepentingannya dalam menjamin keselamatan awam, seperti hudud qisas dan takzir.

### **TOLERANSI KEPADA AKTIVITI MUNGKAR DAN PENGHINAAN KEPADA ISLAM ADALAH BUKAN SATU RAHMAT, MALAH BERCANGGAH DENGAN SIYASAH SYARIYYAH**

Satu pengalaman baru yang sedang dialami oleh masyarakat Islam di Malaysia khususnya di bawah teraju kerajaan baru (PAKATAN HARAPAN) ialah timbulnya berbagai kegelisahan dan kegusaran umat Islam terhadap kedudukan Islam itu sendiri yang berpunca daripada beberapa situasi berikut:

**Pertama:** Pihak kerajaan mentafsirkan gagasan *rahmatan lil alamin* sebagai ruang berlunak-lunak melayani berbagai bentuk mungkar dan penyelewengan yang nyata seperti LGBT dengan alasan mereka juga perlu mendapat hak sebagai anggota masyarakat seperti orang lain. Pada 10 Ogos 2018, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa telah mengadakan pertemuan dengan aktivis sosial yang juga transgender, Nisha Ayub. Dalam sidang media berkenaan, Dr Mujahid memberi jaminan bahawa golongan ini akan dibela selaras dengan prinsip *rahmatan lil alamin* yang menjadi teras kepada pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini.<sup>23</sup> Ia telah mendapat bantahan yang meluas dari masyarakat.

**Kedua:** Kerajaan ingin memberhentikan tangkapan khalwat dan maksiat pada waktu malam kerana menganggap ia adalah dosa peribadi/di belakang pintu tertutup dan kerajaan tidak perlu masuk campur, selaras dengan konsep *rahmatan lil alamin* (belas kasihan untuk semua). Berita harian melaporkan berita itu pada 8 Oktober 2018<sup>24</sup>. Banyak pihak telah tampil membantah dan menegur kenyataan tersebut kerana dikira tidak tepat.

**Ketiga:** Kerajaan ingin mengurangkan waktu pembelajaran Agama Islam di Sekolah kerana menganggap pengajian sekolah kebangsaan telah betukar menjadi sekolah agama yang menyebabkan pelajar tidak mampu bersaing di alam pekerjaan selepas meninggalkan persekolahan.<sup>25</sup> Hasrat tersebut telah mendapat bantahan meluas daripada masyarakat kerana peruntukan masa pengajaran Agama tidak mencukupi untuk melahirkan pelajar muslim yang berkualiti.

**Keempat:** Pihak kerajaan melakukan tindakan-tindakan pentadbiran yang menyentuh sensitiviti umat Islam seolah-olah membelakangkan peruntukan Islam sebagai Agama

---

<sup>23</sup> Mohd Noor Mohd Husni, “Transgender Tidak Harus Ditindas,” *Berita Harian*, August 10, 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/460514/transgender-tidak-harus-ditindas>.

<sup>24</sup> Mohamed Radhi Nor Ain, Adnan Ahmad Suhael, and Muhd Zamrie Zarul Fitri, “Tiada Aduan Khalwat, Tiada Serbuan - Mujahid,” *Berita Harian*, October 8, 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/483357/tiada-aduan-khalwat-tiada-serbuan-mujahid>.

<sup>25</sup> Raja Zaid Raja Hisyam, “Sekolah Kebangsaan Telah Berubah Jadi Sekolah Agama’ - Tun Dr Mahathir,” *Astro Awani*, December 21, 2018, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sekolah-kebangsaan-telah-berubah-jadi-sekolah-agama-tun-dr-mahathir-194183>.

Persekutuan yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia, seperti :mengagihkan peruntukan negara kepada institusi agama bukan Islam, mencampuri urusan Tabung Haji dan pelaburannya dengan memindahkan asset-asset berdaya maju ke dalam SPV, dengan alasan bahawa Tabung Haji menghadapi risiko kegagalan dan kejatuhan kerana lemah urustadbir, menolak sebarang usaha untuk memperkasakan mahkamah Syariah dan undang-undang Islam secara sepenuhnya, begitu juga hasrat kerajaan untuk meratifikasi ICERD yang boleh menjaskan kedaulatan dan ketinggian Islam dalam negara. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Waytha Moorthy tetap menegaskan bahawa ratifikasi Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum tidak akan memberi kesan kepada Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan<sup>26</sup>. Beliau menyatakan bahawa ratifikasi itu hanya ditangguhkan apabila mendapat bantahan besar dari umat Islam. Keempat: Kelantangan suara beberapa pihak yang mendesak supaya menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu/Islam, desakan supaya menutup sekolah tafhiz apabila ada kes dilaporkan dalam akhbar, menghina institusi raja-raja Melayu, menuduh pendakwah Islam Zakir Naik sebagai pengganas, menuntut supaya fatwa Syiah sesat disemak semula, mendesak supaya membenarkan kitab Bible disebarluaskan di tempat awam, mendesak supaya JAKIM dihapuskan, mendesak supaya zakat diagihkan kepada orang bukan Islam dan lain-lain lagi.

Menurut mereka, pendekatan dan tuntutan di atas adalah selaras dengan konsep maqasid syariah dan konsep fiqh Malaysia

Dalam menangani persoalan-persoalan yang panas dan sensitif di atas, saya kira wajar dibuat pengukuran dan pertimbangan berdasarkan konsep *rahmatan lil alamin* yang telah dibincangkan di atas kerana ia dilandaskan kepada gagasan al-Quran secara langsung. Malah saya sangat bersetuju jika persoalan-persoalan di atas dibincangkan dalam kerangka *rahmatan lil alamin* yang disimpulkan oleh Dr Ahmad Sanusi Azmi dan Mohd Yusuf Islam dalam artikel beliau seperti berikut:<sup>27</sup>

**Pertama:** *Rahmatan lil Alamin* adalah prinsip yang mengutamakan pembangunan dan pengukuhan aqidah dan syariah.

**Kedua:** Tidak membiarkan maksiat atas nama kedamaian dan kasih sayang.

**Ketiga:** Bersih dari toleransi terhadap apa jua elemen yang boleh menggugat kedudukan Islam.

**Keempat:** Menolak elemen jahiliah yang merosakkan Islam dan membendungnya dari menguasai umat Islam seperti fahaman liberal.

**Kelima:** Mengukuhkan usaha-usaha menyampaikan hidayah keislaman secara meluas.

Nyatalah bahawa isu-isu yang membimbingkan umat Islam di atas adalah perangkap-perangkap awal yang bercanggah dengan misi aqidah Islam, memberi lesen kepada aktiviti mungkar, songsang dan tidak bermoral, menggugat kedudukan Islam, menghidupkan elemen jahiliah, melemahkan usaha-usaha dakwah dan penyebaran hidayah keislaman.

<sup>26</sup> “Ratifikasi ICERD Tidak Akan Beri Kesan Kepada Artikel 153 - Waytha Moorthy,” *Bernama*, October 28, 2018, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ratifikasi-icerd-tidak-akan-beri-kesan-kepada-artikel-153-waytha-moorthy-189464>.

<sup>27</sup> Azmi Ahmad Sanusi and Ismail Mohd Yusuf, “Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia,” *Journal of Hadith Studies* 3, no. 1 (2018): 1–13., h.8

Perkara asas yang berbangkit daripada isu-isu di atas ialah wujudnya pemikiran untuk mengurangkan peranan kerajaan dalam memartabatkan kedudukan Islam dan melindungi umat Islam daripada gejala kerosakan dan keruntuhan dengan alasan menjaga hak asasi manusia. Pemikiran ini bercanggah dengan dengan konsep siyasah syariyyah dan ia sangat merbahaya kerana akan mendedahkan Agama Islam dan ummatnya kepada serangan dan tekanan musuh secara langsung tanpa pembelaan sewajarnya daripada pihak pemerintah, sedangkan kerajaan sebenarnya yang menjadi pelindung utama kepada Islam dan umatnya. Pemikiran tersebut bercanggah secara jelas dengan siyasah syariyyah kerana Ulama fiqh dan siyasah telah menetapkan bahawa peranan utama kerajaan Islam ialah *hirasah al-Din wa siyasah al-dunya bihi*.<sup>28</sup> Jadi apabila kerajaan yang ada mahu melepaskan sebahagian tanggungjawab mendaulat dan membela agama Islam, maka ia merupakan satu penyelewengan dan pengkhianatan kepada amanah khilafah Islam yang besar.

Dalam konteks keunikan uslub dakwah Islam yang mengutamakan pendekatan hikmah, mauizah hasanah dan jidal, memang diakui bahawa ia amat wajar diguna pakai oleh pihak kerajaan untuk mengembalikan golongan tertentu kepada kebenaran Islam, tetapi pendekatan yang digunakan itu hendaklah tidak mendedahkan ruang fitnah atau kesempatan oleh pihak tertentu untuk mempromosikan kesesatan atau kemungkarannya mereka, kerana Rasulullah s.a.w sentiasa tegas dalam menghadapi aktiviti-aktiviti yang boleh menarik orang ramai kepada kerosakan akhlak dan juga menggugat amalan hidup yang baik, seperti yang ditunjukkan dalam kes pelaku sex songsang dan lain-lain lagi.

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Bertolak dari kerangka kosep *rahmatan* yang jelas di dalam al-Quran dan ditunjukan oleh Rasulullah s.a.w melalui praktikal kenegaraannya, maka disarankan supaya pihak kerajaan yang berkuasa meneliti semula penghayatan konsep *rahmatan lil alamin* dalam beberapa isu di atas supaya ia tidak mengundang kecelaruan yang akan merugikan masa depan Islam dan umatnya pada masa akan datang. Ini kerana tujuan dan matlamat *rahmatan lil alamin* yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w sebagai peneraju Negara (siyasah syariyyah- melalui panduan al-Quran, aktiviti dakwah dan sektor pentadbiran) adalah mendokong kuat keselamatan dan keutuhan Islam dan menyelamatkan masyarakat dari kemungkarann/kemusnahan melalui kuatkuasa undang-undang dengan penuh ketegasan, tanpa menzalimi golongan bukan Islam sedikit pun.

## RUJUKAN

- Abu Zuhrah, Syaikh Muhammad. *Al-Jarimah Wa Al-'Uqabah Fi Al-Fiqh Al-Islamiy*. Dar al-Fikr al-Arabiyy, n.d.
- Ahmad Sanusi, Azmi, and Ismail Mohd Yusuf. "Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia." *Journal of Hadith Studies* 3, no. 1 (2018): 1–13.
- Al-Baidhawiy. *Tafsir Al-Baidhawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1988.

<sup>28</sup> Al-Juwaini, *Ghiyath Al-Umam Fi Iltyath Al-Zolam* (Iskandariah: Dar al-Da'wah, t.t.). h. 15

- Al-Juwaini. *Ghiyath Al-Umam Fi Iltyath Al-Zolam*. Iskandariah: Dar al-Da'wah, n.d.
- Al-Syarif, Abdul Salam Muhammad. *Al-Mabadi' Al-Syar'iyyah Fi Ahkam Al-Uqubat Fi Al-Fiqh Al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy, 1986.
- Al-Tabariy. *Jami` Al-Bayan*. Beirut: Dar al-Fikr, 1988.
- Bukhari, al-, Muhammad bin Ismail. *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2007.
- Ibn Taymiyyah. *Al-Siyasah Al-Syar'iyyah Fi Islah Al-Ra'I Wa Al-Ra'iyyah*. Beirut: Dar Afaq al-Jadid, 1988.
- Mohd Husni, Mohd Noor. "Transgender Tidak Harus Ditindas." *Berita Harian*, August 10, 2018. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/460514/transgender-tidak-harus-ditindas>.
- Muslim bin Hajjaj. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1995.
- Nor Ain, Mohamed Radhi, Adnan Ahmad Suhael, and Muhd Zamrie Zarul Fitri. "Tiada Aduan Khalwat, Tiada Serbuan - Mujahid." *Berita Harian*, October 8, 2018. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/483357/tiada-aduan-khalwat-tiada-serbuan-mujahid>.
- Raja Hisyam, Raja Zaid. "Sekolah Kebangsaan Telah Berubah Jadi Sekolah Agama' -Tun Dr Mahathir." *Astro Awani*, December 21, 2018. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sekolah-kebangsaan-telah-berubah-jadi-sekolah-agama-tun-dr-mahathir-194183>.
- Syed Qutb. *Al-Adalah Al-Ijtima'iyyah Fi Al-Islam*. Beirut: Dar al-Katib al-Arabi, n.d.
- Tirmidhi, al-. *Sunan Al-Tirmidhi, Tahqiq Mahmud Muhammad Hassan Nassar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2011.
- "Ratifikasi ICERD Tidak Akan Beri Kesan Kepada Artikel 153 - Waytha Moorthy." *Bernama*, October 28, 2018. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ratifikasi-icerd-tidak-akan-beri-kesan-kepada-artikel-153-waytha-moorthy-189464>.